



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**IKLAN JAWATAN SAMBILAN
PENSYARAH/GURU BAHASA SAMBILAN
PUSAT PENATARAN ILMU DAN BAHASA
SESI 2025/2026**

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa Universiti Malaysia Sabah (PPIB) mempelawa pemohon yang berkeelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan pengajar sambilan bagi kursus-kursus yang disenaraikan dalam gugusan seperti berikut (rujuk jadual mengikut gugusan):

- Gugusan Bahasa Inggeris

Kod lokasi kampus kursus ditawarkan adalah seperti berikut:

- SDK: Kampus Sandakan

Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Malaysia Sabah, sila layari laman sesawang <https://www.ums.edu.my/ppib/>

GUGUSAN BAHASA INGGERIS

KURSUS	LOKASI KAMPUS DITAWARKAN		
	BKI	LBU	SDK
BAHASA INGGERIS			/

Jawatan: Pensyarah/Guru Bahasa Sambilan

Elaun: RM 50.00 Sejam

Syarat Kelayakan dan Pengalaman:

- i. Memiliki mana-mana kelulusan berikut:
 - a) Memiliki ijazah dalam bidang **TESL** atau **English Language Studies** daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara diiktiraf atau kelayakan diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan **[a) KELAYAKAN UTAMA]**
 - b) Diploma daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara diiktiraf atau kelayakan diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; **ATAU**
 - c) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan: **ATAU**
 - d) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
[b) c) dan d) – KELAYAKAN TAMBAHAN]
- ii. Mencapai keputusan Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- iii. Mempunyai pengalaman dalam bidang Pengajaran dan Pendidikan bahasa.
- iv. Bertanggungjawab dan dapat memberi komitmen tinggi terhadap tugas mengendalikan kuliah dan pemarkahan.
- v. Mempunyai tahap kesihatan baik.

CARA MEMOHON [DALAM BENTUK “SOFTCOPY”]:

- i. Permohon hendaklah menghantar **satu (1) BORANG PERMOHONAN JAWATAN SAMBILAN** Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa Universiti Malaysia yang telah lengkap diisi dan **dua (2) salinan RESUME / CURICULUM VITAE (CV)** berserta **satu (1) keping gambar terkini berukuran passport** ke alamat yang dinyatakan di bawah.
- ii. Semua permohonan hendaklah disertakan besama-sama dengan salinan dokumen yang telah disahkan seperti berikut:
 - a) **SALINAN KAD PENGENALAN**
 - b) **SALINAN SIJIL KELAHIRAN**
 - c) **SALINAN SIJIL/DIPLOMA/IJAZAH BAGI KELAYAKAN YANG DISYARATKAN**
 - d) **SALINAN TRANSKIP DIPLOMA/IJAZAH**
 - e) **SALINAN SIJIL-SIJIL YANG BERKAITAN DENGAN PERMOHONAN**
- iii. Pemohon yang terdiri daripada kakitangan sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, badan berkanun atau pihak berkuasa tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui **ketua jabatan** masing-masing dan pastikan salinan kenyataan perkhidmatan yang dikemaskini dan laporan penilaian prestasi tahunan disertakan bersama. Permohonan yang tidak mengikut prosedur tersebut tidak akan dipertimbangkan.
- iv. Pemohon yang terdiri daripada kakitangan sedang berkhidmat dalam perkhidmatan swasta hendaklah mengemukakan permohonan melalui **ketua jabatan** masing-masing, sekiranya dikehendaki oleh pihak majikan. Permohonan yang tidak mengikut prosedur tersebut tidak akan dipertimbangkan.

CATATAN AM:

- i. Pemohon yang tidak menerima sebarang maklumbalas selepas tempoh **dua (2) bulan** dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- ii. Hanya pemohon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk temu duga.
- iii. Kursus PPIB di Universiti Malaysia Sabah lazimnya diadakan pada hari Isnin hingga Jumaat sepanjang sesi akademik berlangsung.
- iv. Dari masa ke semasa, tenaga pengajar juga akan dipanggil ke mesyuarat yang diadakan di pejabat Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa pada masa waktu pejabat pada hari bekerja.

ALAMAT MENGHANTAR PERMOHONAN:

Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada: ernawaty@ums.edu.my

**PUSAT PENATARAN ILMU DAN BAHASA (PPIB)
FAKULTI PERTANIAN LESTARI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH,
BEG BERKUNCI NO.3,
90509 SANDAKAN, SABAH.
NO TEL. : 089 – 634 000 samb. : 310301
NO FAKS : 089 – 634 111**

TARIKH TUTUP: 19 SEPTEMBER 2025 (SEBELUM JAM 5.00 PETANG)